

## **AMALAN PERHUBUNGAN MEDIA : KAJIAN DALAM KALANGAN EDITOR DI LEMBAH KLANG**

Oleh : Mohd. Yahya Mohamed Ariffin

### **Abstrak**

Amalan perhubungan media yang berlaku di antara editor pertubuhan media dengan pengamal perhubungan awam di negara ini didapati amat penting kepada kedua-dua belah pihak. Banyak kajian telah membuktikan amalan ini amat kritikal dalam usaha membina hubungan yang berkesan, khususnya pihak pengamal perhubungan awam. Pihak editor pertubuhan media turut mengakui kepentingan perhubungan media khususnya dalam mendapatkan maklumat untuk dijadikan bahan berita. Makalah ini berfokus pada amalan perhubungan media dengan memberi tumpuan kepada kepentingan amalan tersebut dari perspektif editor pertubuhan media di Malaysia. Kaedah temu bual mendalam dilaksanakan untuk menganalisis pendapat para editor pertubuhan media di Lembah Klang mengenai amalan perhubungan media. Analisis mendapati editor pertubuhan media bersetuju bahawa amalan perhubungan media sangat penting kepada mereka dan pengamal perhubungan media di negara ini. Hubungan yang baik antara editor pertubuhan media dengan pengamal perhubungan awam bagaikan satu situasi menang-menang. Responden berpendapat bahawa amalan ini sangat diperlukan bagi mendapatkan maklumat daripada organisasi, tetapi mesti diuruskan oleh pengamal perhubungan awam yang berpengalaman ,mahir dan profesional. Mereka mengakui bahawa amalan ini akan terus mendapat tempat dalam industri media pada masa hadapan.

Kata kunci : amalan perhubungan media, editor pertubuhan media, pengamal perhubungan awam, bahan berita.